

Hukum Kanun

Penyusun

Haji Asri bin Haji Puteh

Diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam

©Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003

Cetakan Pertama 2003

Reka Bentuk Hiasan Kulit
Abdull Rahman Ahmad

Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei
Pengkatalogan Data-dalam-Penerbitan
Cataloguing-in-Publication:

[Hukum Kanun]

Hukum kanun / Haji Asri bin Haji Puteh, penyusun. -- Bandar Seri Begawan : Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, 2003.
115 p. ; 27 cm.
ISBN 99917-0-335-7 (Kulit keras)

1. Law -- Brunei Darussalam. I. Asri bin Haji Puteh, Haji II. Title.
340.095955 (DDC)

Rupa Taip teks 11/14 poin, Palatino

Atur Huruf oleh Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Darussalam
Dicetak oleh Syarikat Perniagaan dan Percetakan Zeemal, Brunei Darussalam

dititah tiada dapat memakai kain nipis lagi jarang berbayang-bayang iaitu seperti khasa dan hamu pada balai raja atau pada pagar raja-raja melainkan dengan titah kurnia, di luar atau di pekan boleh dipakai. Jikalau lain dari itu / 6 / nescaya dicarikkan atau ditolakkan hukumnya dan demikian lagi. Demikianlah memakai [h]ulu keris mas marbazi dan bawang setanggal, itu pun tiada dapat dipakai orang lain melainkan dengan nama anugeraha raja-raja. Maka dapat dipakai jikalau ada orang lain maka dihukumkan dirampas. Adapun yang dapat memberi cucunya [h]ulu keris itu melainkan Bendahara juga. Maka tiadalah orang lain dapat memakai dia. Adapun segala syaratnya hamba raja itu atas tiga perkara. Suatu benar barang afalnya, kedua menurut titah raja itu pawai zalim mau tiada fardu kita menurut titahnya itu, ketiga ada ia mengharap ampun tuannya. Adapun segala raja-raja itu atas empat perkara. Pertama ampun, kedua murah, ketiga perkara, keempat melakukan hukumnya dengan kaharnya. Itu pun sifat pada segala raja itu zaman dahulu kala turun-temurun datang sekarang inilah kanun namanya.

Fasal yang kedua pada menyatakan hukum bahasa segala raja-raja itu lima perkara. Tiada dapat kita menurut kata ia melainkan dengan titah tuan kita juga. Pertama / 7 / titah, kedua patik, ketiga murka, keempat kurnia, kelima anugeraha. Maka segala kata ini tiada dapat kita mengatakan dia dan jikalau hamba raja mengatakan dia dibunuh hukumannya. Jikalau orang lain digucuh, kepada berkata demikian itu. Adapun berpatik itu, bertitah itu dan murka itu tiadalah dapat dikata lagi pada seorang pun melainkan bahasanya itu tertentu pada raja-raja juga. Adapun jikalau seorang dianugerahkan, itu pun tiada harus berpatik dan bertitah dan murka melainkan dengan nama anugeraha itu dibunuh hukumnya itu. Demikian lagi padahal hukum menjunjung duli itu pun dibunuh jikalau tiada dengan anugeraha itu, melainkan berbuat surat titah itu, demikian lagi adat kita ini kepada tuannya supaya bermulia tuannya, inilah Hukum Kanun.

Fasal yang ketiga pada menyatakan hukum segala rakyat mati dan orang besar dan orang mulia tiada dapat berpayung dan perpetua dia dan memberi derma itu melainkan dengan nama anugeraha maka dapat. Jikalau tiada dengan titah kurnia, dirampas hukumnya. Demikian lagi seperti bertilam dan ulas kuning dan benang bantal kuning atau bersapu tangan kuning, / 8 / maka iaitu hukumnya dicarikkan oleh

segala yang melihatnya itu suatu pun tiada dalam perkataan lagi itulah adat majlis raja-raja itu. Sayugia diketahui oleh segala rakyat dan sakai dan bala negeri itu akan perintah martabat kemuliaan segala raja-raja supaya jangankan raja-raja itu kami kata segala adat pakaian itu.

Fasal yang keempat pada menyatakan hukum negeri dan sungai dan dusun pada negeri yang takluk itu. Adapun hukum yang pertama, pada menyatakan berbunuuh-bunuhan atau membunuuh atau menikam atau menetak orang atau memukul orang atau merampas atau mencuri harta orang atau menuduh atau berdustakan hukum atau berjual titah atau menyangkal titah, itu pun salah.

Fasal yang kelima, maka inilah kisahnya pada menyatakan orang membunuuh dengan tiada setahu raja-raja atau tiada dengan setahu orang besar-besar itu, jikalau dibunuuhnya dengan tiada dosanya sekalipun, hukumnya didenda ia sepuluh tahlil sepha, kerana salahnya tiada memberi tahu raja-raja atau hakim. Adapun jikalau tiada tertangkap maka melawan ia dengan salahnya, jikalau tiada dengan setahu raja-raja atau hakim / 9 / sekalipun harus dibunuuh maka tiadalah salahnya lagi. Adapun jikalau ada ia iaitu tertangkap atau dipertakahnya maka dosanya itu patut dibunuuhnya maka dibunuuhnyalah, itulah akan dendanya sepuluh sepha, kerana taksir tiada setahu menteri itu. Adapun yang membunuuh tiada setahu raja-raja dan menteri itu atas empat perkara juga maka dapat, pertama membunuuh madu, kedua membunuuh orang ingkar, ketiga membunuuh orang mencuri yang tiada dapat tertangkap, keempat membunuuh orang, memberi aib seperti menampar orang, barang yang aib biasa itu pun, jikalau belum lagi sampai kepada menteri. Maka jikalau sampai sudah pada menteri maka diperbuat juga, didenda sepuluh tahlil sepha, itulah hukumnya. Adapun jikalau membunuuh madunya itu maka lari di dalam kampung maka diikatnya oleh empunya madu itu maka masuk kampung maka berkelahi ia dengan orang empunya orang kampung itu, maka jikalau melawan maka terbunuuh yang mengikat itu, mati saja dengan tiada kena hukum lagi, itulah adatnya negeri. Adapun pada hukum Allah Taala dalam kitab, yang membunuuh itu dibunuuh hukumnya kerana menurut dalil / 10 / Quran dan menurut amar bil makruf wa nahi anil munkar. Adapun jikalau orang membawa titah memanggil menteri, orang tiada dapat dibunuuh maka jikalau dibunuuhnya jadi derhaka Kebawah Duli maka harus dibunuuh pula hukumnya atau kena denda ia emas sekati

lima tahil, itulah adatnya dan yang keenam pada menyatakan segala hukum orang mengamuk itu abdi atau orang utang-utangan orang, dibunuh hukumnya. Maka jikalau tertangkap maka dibunuhnya dengan tiada setahu menteri atau raja adalah kena denda ialah sepuluh tahil sepha. Jikalau pada negeri dan jikalau anak sungai atau pada anak negeri takluk itu dua bahagi kena denda ia lima tahil sepha, itulah akan hukumnya. Bermula syarat menteri itu enam perkara, pertama manafahus salah benar rakyat, kedua tahu akan hukum, ketiga tahu ia akan mengambil upah, keempat mendengar kata kedua pihak, kelima tahu ia akan budi tatkala menjatuhkan hukum dengan keras perangainya, itulah syarat menteri. Ada pula jikalau saudara orang mengamuk itu maka tertangkap maka dibunuhnya, kena denda ia setahil sepha juga. / 11 / Adapun jikalau luka itu sangat maka dibunuhnya pula dengan setahu raja dan menteri sekadar belanja turun mayat juga akan dendanya itu. Adapun segala yang tiada dapat diampuni oleh segala hukum itu atas tiga perkara, suatu dosa membunuh orang, kedua mengambil isteri orang, ketiga orang mahajalela itulah yang tiada dapat segala menteri mengampuni dia melainkan raja juga itu mengampuni segala manusia yang salah itu. Adapun jikalau hamba orang itu hendak membunuh tuannya, maka orang lain itu dapat menangkap, dia haruslah dibunuh, itu pun jikalau jauh tempatnya lagi tiada kuasa ia meneguh dia. Adapun jikalau dekat maka ditangkap lagi dibunuhnya kenalah denda ia lima tahil sepha kerana takzirnya tiada setahu tuannya dan tiada setahu menteri itu. Maka jikalau luka payah, maka lalu dibunuhnya oleh tuannya itu tiadalah salahnya lagi, itulah hukumnya abdi itu telah kami sebutkan pada Hukum Kanun itu. Demikianlah kias atas negeri atau sungai pun tiada lagi bersalahan itu.

Fasal yang ketujuh pada menyatakan hukum merdeheka / 12 / membunuh abdi orang. Adapun jikalau hamba raja dibunuh orang maka akan dendanya tujuh kali tujuh. Jikalau ia lepas dibunuh hukumnya. Jikalau tiada dibunuh menjadi ulur ke bawah itu. Adapun hukum tujuh kali tujuh itu sekadar amar raja-raja juga yang singgah tujuh kali tujuh. Adapun jikalau membunuh hamba raja itu orang besar-besar didenda ia sekati lima. Adapun jikalau dengan salahnya itu tiadalah ada lagi perkataannya itu. Adapun jikalau ada pencuri itu tertangkap maka dibunuh maka kenalah denda ia akan dia harganya setengah akan menteri, setengah akan tuannya kerana taksir tiada setahu menteri itu.